UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies
http://jurnalumran.utm.my
eISSN 2289-8204

Model Nurani: Kerangka Pencegahan Holistik Pengaruh Lgbt Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Selangor

NURANI Model: A Holistic Prevention Framework for LGBT Influence Among Muslim Adolescents in Selangor

Noor Hafizah Mohd Haridi[a*], Ahmad Munawar Ismail[b], Mohd Shairawi Mohd Noor[c]

[a]*Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islan, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*
[b]*Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia43600 Bangi, Selangor, Malaysia*
[c]*Unit Buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia*
**Corresponding author: noorhafizah@uis.edu.my*

Article history

Received: 2026-05-19 Received in revised form: 2026-08-10 Accepted: 2026-08-15 Published online: 2026-11-05

Abstract

Digital access to content on sexuality and gender creates a need for coordinated prevention among Muslim adolescents, while existing initiatives in Selangor remain fragmented across religious guidance, counselling, education, family support, and enforcement. This study develops the NURANI Model as an Islamic-oriented holistic prevention framework. Using Design and Development Research, it involved needs analysis, model design and development, and usability evaluation. Semi-structured expert interviews were thematically analysed, and the Fuzzy Delphi Method with 18 multidisciplinary experts assessed the proposed elements. Findings identified four domains—individual, family, community, and government—and six principles: Nilai, Ummah, Responsif, Amanah, Norma, and Integriti. The retained elements met the expert-consensus criteria, and the model was evaluated as clear, relevant, and usable. The model integrates Islamic value formation with ecological and psychosocial support rather than a single-sector or punitive response. Field testing involving adolescents and implementing agencies is required to determine effectiveness.

Keywords: NURANI Model; holistic prevention; LGBT influence; Muslim adolescents; Fuzzy Delphi Method; Design and Development Research

Abstrak

Akses digital kepada kandungan berkaitan seksualiti dan gender meningkatkan keperluan terhadap pencegahan yang terselaras bagi remaja Muslim, sedangkan inisiatif di Selangor masih terpisah antara bimbingan agama, kaunseling, pendidikan, sokongan keluarga dan penguatkuasaan. Kajian ini membangunkan Model NURANI sebagai kerangka pencegahan holistik berorientasikan Islam. Pendekatan Design and Development Research meliputi analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan model serta penilaian kebolehgunaan. Temu bual pakar dianalisis secara tematik, manakala Kaedah Fuzzy Delphi bersama 18 pakar pelbagai disiplin digunakan untuk menilai elemen model. Dapatan mengenal pasti empat domain—individu, keluarga, komuniti dan kerajaan—serta enam prinsip: Nilai, Ummah, Responsif, Amanah, Norma dan Integriti. Elemen yang dikekalkan memenuhi kriteria kesepakatan pakar dan model dinilai jelas, relevan serta boleh digunakan. Model ini menyepadukan pembinaan nilai Islam dengan sokongan ekologi dan psikososial, bukan pendekatan satu sektor atau penghukuman semata-mata. Pengujian lapangan bersama remaja dan agensi pelaksana masih diperlukan untuk menentukan keberkesanannya.

Kata kunci: Model NURANI; pencegahan holistik; pengaruh LGBT; remaja Muslim; Kaedah Fuzzy Delphi; Design and Development Research

1.0 PENGENALAN

Remaja berada pada tahap perkembangan yang penting dalam pembentukan identiti, konsep kendiri, hubungan sosial dan pegangan nilai. Dalam persekitaran digital, proses tersebut tidak lagi berlaku melalui keluarga, sekolah dan rakan sebaya sahaja, tetapi turut dipengaruhi oleh media sosial yang menyediakan ruang untuk persembahan kendiri, perbandingan sosial, penerokaan identiti dan penerimaan maklum balas daripada komuniti dalam talian. Pérez-Torres (2024) menjelaskan bahawa media sosial bertindak sebagai "cermin sosial digital" dalam pembentukan identiti remaja, manakala sorotan sistematik Avci et al. (2025) menunjukkan bahawa bentuk aktiviti dan interaksi di media sosial lebih bermakna daripada tempoh penggunaan semata-mata.

Perkembangan ini turut melibatkan pendedahan kepada kandungan berkaitan seksualiti dan gender. Suto et al. (2025) menunjukkan bahawa media sosial boleh menjadi ruang memperoleh maklumat, membina hubungan dan meneroka identiti, namun ruang yang sama turut membawa risiko maklumat tidak seimbang, tekanan sosial dan tingkah laku yang tidak sesuai dengan tahap perkembangan remaja. Dalam konteks artikel ini, "pengaruh LGBT" merujuk kepada pendedahan, penerimaan atau kecenderungan terhadap naratif dan tingkah laku seksual serta identiti gender yang tidak selaras dengan kerangka fitrah dan syariah Islam. Penggunaan istilah tersebut tidak bermaksud menyamakan kecenderungan, identiti dan perlakuan sebagai perkara yang seragam, dan tidak menafikan maruah serta keperluan sokongan setiap individu.

Walaupun isu pengaruh LGBT dalam kalangan remaja Muslim telah dibincangkan daripada sudut agama, psikologi dan sosial, pendekatan pencegahan sedia ada masih cenderung dilaksanakan secara berasingan serta belum menggabungkan peranan individu, keluarga, komuniti dan kerajaan dalam satu kerangka yang sistematik. Cabaran ini menjadi lebih kompleks apabila media sosial mempengaruhi penerokaan identiti, konsep kendiri dan akses remaja kepada kandungan seksualiti serta gender (Pérez-Torres, 2024; Avci et al., 2025; Suto et al., 2025). Dalam konteks Malaysia, penggunaan media sosial turut dikaitkan dengan pengaruh negatif, maklumat tidak tepat, buli siber dan kemerosotan interaksi bersemuka dalam keluarga (Bono et al., 2024), manakala penggunaan media sosial, pendedahan kepada pornografi, pengetahuan kesihatan seksual dan reproduktif serta kemurungan didapati berkaitan dengan hubungan romantik remaja (Mud Shukri & Baharom, 2023). Pada masa yang sama, sokongan keluarga dan iklim sekolah merupakan faktor penting terhadap kesejahteraan remaja yang berhadapan persoalan orientasi seksual (Weeks et al., 2025). Namun demikian, model pencegahan berteraskan Islam yang dibangunkan secara empirikal dan disesuaikan dengan konteks remaja Muslim di Selangor masih terhad. Jurang ini menuntut satu model yang menyepadukan pembinaan nilai, sokongan psikososial, pengukuhan keluarga, peranan komuniti dan penyelarasan institusi.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan membangunkan Model NURANI sebagai kerangka pencegahan holistik bagi remaja Muslim di Selangor. Secara khusus, kajian mengenal pasti keperluan pencegahan, menentukan komponen serta elemen model melalui kesepakatan pakar, dan menilai kebolehgunaan model. Sumbangan utama kajian terletak pada pengintegrasian empat domain, iaitu individu, keluarga, komuniti dan kerajaan, dengan enam prinsip Nilai, Ummah, Responsif, Amanah, Norma dan Integriti. Model ini tidak direka sebagai mekanisme penghukuman, tetapi sebagai panduan pembangunan insan, pendidikan, bimbingan, sokongan awal dan penyelarasan program berasaskan nilai Islam.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 LGBT dalam Konteks Islam dan Sosial

Dalam perspektif Islam, penciptaan manusia sebagai lelaki dan perempuan serta pembentukan keluarga melalui perkahwinan merupakan sebahagian daripada susunan fitrah dan syariah. Prinsip tersebut dapat difahami melalui Surah al-Hujurat (49:13), Surah al-Zariyat (51:49) dan kisah kaum Nabi Lut AS dalam Surah al-A'raf (7:80–84). Hubungan seksual sesama jantina tidak diterima dalam hukum Islam, sebagaimana dihuraikan dalam karya fiqh kontemporari al-Qaradawi (1994). Walau bagaimanapun, penegasan batas hukum perlu dibezakan daripada cara mendampingi individu. Pencegahan yang selaras dengan tujuan pendidikan Islam perlu memelihara maruah manusia, mengelakkan penghinaan serta membuka ruang kepada bimbingan, sokongan dan perubahan yang dilakukan secara sukarela dan berperingkat.

Kerangka pendidikan Islam memberi perhatian kepada pembinaan dalaman sebelum perubahan tingkah laku. Al-Ghazali (2004) menghuraikan *tazkiyah al-nafs* dan *riyadah al-nafs* sebagai proses menyucikan jiwa, membina kebiasaan baik dan mengawal dorongan melalui ilmu, latihan dan persekitaran yang membantu. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2001) pula menekankan hubungan antara ilmu, keadaan hati dan amal dalam proses pembaikan diri. Berdasarkan kerangka tersebut, pencegahan tidak memadai dengan penyampaian hukum semata-mata, tetapi perlu meliputi pengukuhan akidah, pembentukan jati diri, kemahiran mengurus emosi, hubungan keluarga dan akses kepada bantuan yang sesuai.

Dari sudut sosial, penyelidikan mutakhir menunjukkan bahawa perkembangan identiti remaja dalam media sosial bersifat kompleks. Media sosial boleh menyokong hubungan sosial dan penerokaan diri, namun penggunaan yang berasaskan perbandingan, persembahan imej yang tidak autentik atau pencarian pengesahan sosial boleh dikaitkan dengan kekeliruan dan tekanan identiti (Pérez-Torres, 2024; Avci et al., 2025). Suto et al. (2025) turut menegaskan bahawa ruang digital berkaitan seksualiti dan gender mempunyai manfaat serta risiko yang berbeza mengikut kandungan, konteks dan kerentanan individu. Oleh itu, hubungan antara media sosial dan pengaruh LGBT tidak wajar dirumuskan sebagai sebab-akibat yang mudah. Penelitian yang lebih tepat perlu melihat jenis kandungan, corak interaksi, sokongan keluarga, keadaan emosi dan konteks sosial remaja.

Kajian tempatan mengukuhkan kepentingan konteks tersebut. Bono et al. (2024) mendapati remaja Malaysia mengakui manfaat media sosial dari sudut hubungan dan maklumat, tetapi pada masa yang sama berhadapan buli siber, ketagihan internet, pengaruh negatif, maklumat palsu dan pengurangan interaksi fizikal dalam keluarga. Mud Shukri dan Baharom (2023) pula menunjukkan hubungan antara media sosial, pendedahan pornografi, pengetahuan kesihatan seksual dan reproduktif serta kemurungan dengan hubungan romantik remaja. Kedua-dua kajian ini tidak membuktikan peningkatan LGBT dalam kalangan remaja, tetapi memperlihatkan bahawa tingkah laku dan perkembangan identiti dalam ruang digital dipengaruhi oleh gabungan faktor individu, keluarga dan persekitaran. Hal ini menyokong keperluan kepada pendekatan pencegahan yang berhati-hati dan berlapis.

2.2 Konsep Pencegahan Holistik

Konsep pencegahan holistik merujuk kepada suatu pendekatan yang menyeluruh dalam menangani sesuatu isu dengan mengambil kira keseluruhan dimensi kehidupan manusia, meliputi aspek spiritual, psikologi, sosial, emosi dan fizikal. Pendekatan ini berasaskan pandangan bahawa manusia merupakan satu entiti yang saling berkait, di mana perubahan terhadap sesuatu tingkah

laku tidak boleh dijelaskan atau ditangani hanya melalui satu dimensi semata-mata. Oleh itu, usaha pencegahan perlu dilaksanakan secara bersepadu dengan mengambil kira interaksi antara faktor individu, keluarga, komuniti dan persekitaran yang mempengaruhi pembentukan sahsiah serta tingkah laku seseorang (Bader et al., 2023; Llistosella et al., 2023)

Dalam perspektif Islam, konsep pencegahan holistik berkait rapat dengan pembangunan insan yang seimbang (insan kamil), iaitu pembangunan yang merangkumi keseimbangan aspek akidah, ibadah, akhlak, intelektual, emosi dan jasmani. Islam menegaskan bahawa pembentukan sahsiah hendaklah berasaskan keimanan yang mantap, penghayatan syariat serta pembinaan akhlak yang mulia. Pendekatan ini selari dengan konsep tazkiyah al-nafs yang menekankan proses penyucian jiwa, pengawalan hawa nafsu dan pembentukan keperibadian Muslim secara berterusan sebagai asas kepada kesejahteraan individu dan masyarakat (al-Ghazali, 2005; Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 2001).

Di samping itu, pembentukan tingkah laku individu tidak berlaku secara bersendirian, sebaliknya dipengaruhi oleh interaksi pelbagai sistem sosial di sekelilingnya. Menurut Teori Ekologi Sosial Bronfenbrenner (1979), perkembangan individu dipengaruhi oleh hubungan yang wujud antara keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan, institusi agama, komuniti dan dasar kerajaan. Sehubungan itu, pendekatan pencegahan yang berkesan perlu melibatkan kerjasama pelbagai pihak bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam membentuk sahsiah, memperkukuh jati diri dan mengurangkan faktor-faktor risiko yang mendorong kepada tingkah laku berisiko (Bader et al., 2023).

Dalam konteks isu LGBT, pendekatan pencegahan holistik bukan sahaja memberi penekanan kepada perubahan tingkah laku individu, malah turut melibatkan pengukuhan institusi keluarga, pendidikan, komuniti, institusi agama dan dasar kerajaan sebagai ekosistem sokongan yang saling melengkapi. Pada peringkat individu, intervensi memfokuskan kepada pengukuhan akidah, pembentukan jati diri, pembangunan kemahiran daya tindak (coping skills) serta kesejahteraan psikologi. Pada peringkat keluarga pula, ibu bapa berperanan sebagai agen sosialisasi utama dalam membentuk nilai, identiti dan akhlak anak sejak usia awal. Institusi pendidikan berfungsi membangunkan ilmu, sahsiah dan daya tahan diri, manakala institusi agama, komuniti dan agensi kerajaan menyediakan bimbingan, sokongan, intervensi serta dasar yang memperkukuh usaha pencegahan secara bersepadu. Pendekatan yang mengintegrasikan dimensi spiritual, psikologi, sosial dan institusi didapati lebih berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan individu, memperkukuh faktor perlindungan (protective factors) serta mengurangkan faktor risiko (risk factors) dalam kalangan remaja (Llistosella et al., 2023; Bader et al., 2023; Mahmud & Zainol, 2022).

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa pendekatan pencegahan holistik menuntut penggabungan elemen spiritual, psikologi, sosial dan institusi dalam satu kerangka intervensi yang saling melengkapi. Pendekatan ini menjadi asas kepada pembangunan Model NURANI, yang mengintegrasikan empat komponen utama iaitu individu, keluarga, komuniti dan kerajaan bagi membentuk strategi pencegahan yang lebih sistematik, komprehensif dan berteraskan nilai-nilai Islam dalam menangani pengaruh LGBT dalam kalangan remaja Muslim di Selangor.

2.3 Pencegahan Holistik dan Ekologi Sosial

Pencegahan holistik merujuk kepada pendekatan yang mengambil kira manusia secara menyeluruh serta keseluruhan sistem yang mempengaruhi perkembangan individu. Pendekatan ini berasaskan Model Biopsikososial oleh Engel (1977), yang menegaskan bahawa tingkah laku dan kesejahteraan individu tidak boleh dijelaskan hanya melalui satu dimensi seperti biologi, psikologi

atau sosial secara berasingan. Sebaliknya, ketiga-tiga dimensi tersebut saling berinteraksi dalam membentuk perkembangan manusia. Selari dengan itu, Teori Ekologi Sosial Bronfenbrenner (1979) menjelaskan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh interaksi dinamik antara pelbagai sistem persekitaran, termasuk keluarga, rakan sebaya, sekolah, komuniti, budaya dan dasar masyarakat. Oleh itu, faktor perlindungan dan faktor risiko tidak berfungsi secara terasing, sebaliknya saling mempengaruhi antara satu sama lain. Kelemahan pada satu lapisan ekologi boleh diperkuat atau dikurangkan melalui kekuatan yang wujud pada lapisan yang lain.

Dari perspektif Islam, pendekatan holistik terhadap pembangunan insan telah lama diketengahkan oleh para sarjana Islam. Imam al-Ghazali (t.th.) menegaskan bahawa pendidikan insan bertujuan menyucikan jiwa (tazkiyah al-nafs), membentuk akhlak yang mulia serta mengimbangi pembangunan rohani, akal, emosi dan jasmani. Menurut beliau, kerosakan tingkah laku berpunca daripada kelemahan hati (qalb) dan kegagalan mengawal hawa nafsu, justeru proses pendidikan dan pencegahan hendaklah memfokuskan kepada pembinaan iman, akhlak dan disiplin diri secara berterusan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pencegahan tidak memadai dengan kawalan luaran semata-mata, sebaliknya memerlukan pembentukan kekuatan dalaman yang mampu membimbing individu membuat keputusan berlandaskan syariat.

Ibn Khaldun (2005) pula menekankan bahawa pembentukan sahsiah manusia dipengaruhi oleh proses sosialisasi dan persekitaran masyarakat. Melalui konsep 'umran dan asabiyyah, beliau menjelaskan bahawa keluarga, institusi pendidikan, kepimpinan dan masyarakat mempunyai tanggungjawab kolektif dalam membentuk nilai, norma dan identiti individu. Persekitaran sosial yang baik akan melahirkan masyarakat yang berakhlak dan berdaya tahan, manakala kerosakan institusi sosial akan meningkatkan risiko penyimpangan tingkah laku. Pandangan ini selari dengan Teori Ekologi Sosial Bronfenbrenner yang menekankan bahawa pembangunan individu berlaku melalui interaksi antara pelbagai sistem sosial.

Selain itu, pendekatan pencegahan dalam Islam turut disandarkan kepada kerangka Maqasid Syariah yang menggariskan lima objektif utama syariat, iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-'aql), keturunan (hifz al-nasl) dan harta (hifz al-mal) (al-Shatibi, 1997; Auda, 2008). Dalam konteks pembangunan remaja, usaha pencegahan perlu dirangka bagi memelihara kesejahteraan akidah, kesihatan mental, perkembangan intelektual, pembentukan institusi keluarga serta kelangsungan keturunan menurut syariat Islam. Oleh itu, intervensi yang dilaksanakan bukan sekadar bertujuan mengurangkan risiko tingkah laku, bahkan memelihara kemaslahatan individu dan masyarakat secara menyeluruh.

Dalam konteks pembangunan remaja, keluarga dan sekolah merupakan dua sistem yang paling hampir dengan kehidupan individu dan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti, kesejahteraan emosi serta daya tahan diri. Kajian oleh Weeks et al. (2025) menunjukkan bahawa iklim sekolah yang positif dan penerimaan keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesejahteraan subjektif remaja minoriti seksual melalui pengurangan tekanan psikososial yang dialami. Walaupun kajian tersebut dilaksanakan dalam kerangka normatif yang berbeza daripada perspektif Islam, dapatan mengenai kepentingan sokongan keluarga, keselamatan psikososial dan iklim sekolah yang kondusif tetap memberikan implikasi penting kepada pembangunan intervensi yang bersifat membina, berempati dan tidak menghukum. Dalam konteks kajian ini, sokongan ditakrifkan sebagai komunikasi yang berkesan, bimbingan berterusan, pemantauan yang munasabah, peningkatan literasi digital, akses kepada perkhidmatan kaunseling serta mekanisme rujukan yang memelihara maruah dan kesejahteraan remaja tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syariah.

Berdasarkan integrasi Model Biopsikososial Engel (1977), Teori Ekologi Sosial Bronfenbrenner (1979), pemikiran al-Ghazali, Ibn Khaldun serta kerangka Maqasid Syariah, pencegahan yang berkesan perlu dilaksanakan secara holistik merentas pelbagai lapisan ekologi. Sehubungan itu, kajian ini menggariskan empat domain utama sebagai asas pembangunan Model NURANI. Domain individu memberi penekanan kepada pengukuhan akidah, nilai, identiti diri, daya tahan, literasi digital dan kesejahteraan emosi. Domain keluarga memfokuskan kepada pembinaan komunikasi, kasih sayang, pendidikan keagamaan serta pemantauan ibu bapa. Domain komuniti pula menekankan peranan institusi pendidikan, institusi agama, organisasi masyarakat dan jaringan sosial dalam menyediakan pendidikan, sokongan dan persekitaran yang kondusif. Akhir sekali, domain kerajaan berperanan menyelaras dasar, perundangan, latihan profesional, penyampaian perkhidmatan dan mekanisme pemantauan bagi memastikan usaha pencegahan dilaksanakan secara sistematik, bersepadu dan mampan. Keseluruhan domain ini saling melengkapi dalam memelihara kesejahteraan individu dan masyarakat serta membentuk asas konseptual kepada pembangunan Model NURANI sebagai model pencegahan holistik terhadap pengaruh gejala LGBT dalam kalangan remaja di Selangor.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian menggunakan pendekatan *Design and Development Research* (DDR), iaitu pendekatan yang sesuai untuk membangunkan dan menilai model berdasarkan masalah praktikal, sorotan teori serta maklum balas pengguna atau pakar (Richey & Klein, 2007; Ellis & Levy, 2010). Kajian dilaksanakan melalui tiga fasa: analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan model, serta penilaian kebolehgunaan. Gabungan data kualitatif dan kuantitatif digunakan supaya model mempunyai asas konseptual, kesesuaian lapangan dan kesepakatan pakar.

3.2 Fasa Analisis Keperluan

Fasa pertama menggunakan temu bual separa berstruktur bersama pakar dan pengamal dalam bidang psikologi, kaunseling, pendidikan, syariah, undang-undang dan kerja sosial. Informan dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan pengalaman profesional sekurang-kurangnya lima tahun serta keterlibatan dengan isu pembangunan remaja atau intervensi sosial. Persampelan bertujuan membolehkan kajian memperoleh maklumat mendalam daripada individu yang mempunyai pengalaman khusus berkaitan fenomena yang dikaji (Patton, 2015). Rakaman temu bual ditranskripsikan dan dianalisis secara tematik melalui proses pembiasaan data, pengekodan, pembentukan tema, semakan tema dan penamaan tema (Braun & Clarke, 2021).

3.3 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Model

Dapatan analisis keperluan digabungkan dengan sorotan literatur untuk membentuk struktur awal model. Empat komponen awal—individu, keluarga, komuniti dan kerajaan—dipecahkan kepada elemen khusus sebelum dinilai melalui Kaedah Fuzzy Delphi. Kaedah ini digunakan untuk menstrukturkan pertimbangan pakar dan mengurus ketidakpastian dalam penilaian berasaskan istilah linguistik (Murray et al., 1985; Cheng & Lin, 2002). Seramai 18 pakar pelbagai disiplin menilai instrumen menggunakan skala linguistik lima mata daripada "teramat tidak sesuai" hingga "sangat sesuai".

Respons pakar ditukarkan kepada *triangular fuzzy numbers* dan dianalisis berdasarkan tiga kriteria, iaitu nilai ambang *d* tidak melebihi 0.20, peratus kesepakatan pakar sekurang-kurangnya

75%, dan nilai penyahkaburan bagi menentukan penerimaan serta susunan keutamaan elemen. Penggunaan kriteria berbilang ini membantu membezakan antara persetujuan umum dan keutamaan relatif sesuatu elemen (Hsu & Sandford, 2007). Hanya elemen yang memenuhi kriteria kesepakatan dikekalkan dalam model akhir.

3.4 Fasa Penilaian Kebolehgunaan

Fasa ketiga menilai kebolehgunaan Model NURANI melalui penilaian pakar terhadap kejelasan konsep, kesesuaian komponen, hubungan antara elemen dan kebolehlaksanaan dalam program pencegahan. Instrumen menggunakan skala Likert lima mata dan data dianalisis secara deskriptif melalui min, sisihan piawai dan peratus penerimaan (Creswell & Creswell, 2023). Penilaian ini bertujuan menentukan sama ada model mudah difahami dan berpotensi digunakan oleh institusi pendidikan, agensi agama, organisasi komuniti serta pembuat dasar.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Keperluan kepada Model Pencegahan Bersepadu

Analisis tematik menunjukkan bahawa pendekatan sedia ada dilihat belum terselaras sepenuhnya antara pendidikan agama, kaunseling, sokongan keluarga, aktiviti komuniti dan tindakan institusi. Pakar menilai bahawa penekanan yang terlalu tertumpu kepada satu aspek—sama ada penyampaian hukum, penguatkuasaan atau kaunseling individu—tidak mencukupi untuk menangani faktor yang saling berkaitan. Tema keperluan yang dikenal pasti merangkumi pengukuhan jati diri dan penghayatan agama, ketahanan emosi, pengaruh rakan sebaya dan media sosial, komunikasi keluarga, sokongan komuniti serta penyelarasan dasar dan perkhidmatan.

Dapatan tersebut selari dengan penyelidikan mutakhir tentang perkembangan identiti digital. Avci et al. (2025) dan Pérez-Torres (2024) menunjukkan bahawa identiti remaja terbentuk melalui interaksi yang berulang antara aktiviti dalam talian dan penilaian kendiri. Bono et al. (2024) pula memperlihatkan bahawa remaja Malaysia mengalami kesan media sosial secara serentak, iaitu manfaat hubungan dan maklumat bersama risiko pengaruh negatif, buli siber dan kemerosotan interaksi keluarga. Kesepadanan ini mengukuhkan rasional Model NURANI untuk menggabungkan literasi digital, sokongan emosi dan hubungan keluarga, bukan hanya mengawal akses kepada kandungan.

4.2 Struktur Model NURANI

Model akhir mengandungi empat domain yang saling melengkapi. Pertama, domain individu menumpukan pengukuhan akidah, pembentukan jati diri, pengurusan emosi, kemahiran daya tindak, literasi digital dan kesediaan mendapatkan bantuan. Kedua, domain keluarga merangkumi komunikasi terbuka, pendidikan nilai, sokongan emosi, pemantauan yang munasabah serta keupayaan ibu bapa mengenal pasti tanda risiko dan saluran rujukan. Ketiga, domain komuniti menghubungkan sekolah, masjid, agensi agama, kaunselor, pekerja sosial, pertubuhan bukan kerajaan dan kelompok rakan sebaya dalam jaringan pendidikan serta sokongan. Keempat, domain kerajaan menekankan penyelarasan dasar, latihan pelaksana, pembangunan modul, penyediaan perkhidmatan, penyelidikan dan penilaian program.

Jadual 1 Domain, fokus dan fungsi pelaksanaan Model NURANI

Domain	Fokus utama	Fungsi pelaksanaan
Individu	Akidah, jati diri, pengurusan emosi, daya tindak dan literasi digital.	Membina faktor perlindungan dalaman serta kesediaan mendapatkan bantuan.
Keluarga	Komunikasi terbuka, pendidikan nilai, sokongan emosi dan pemantauan munasabah.	Mewujudkan persekitaran terdekat yang selamat serta saluran rujukan awal.
Komuniti	Sekolah, masjid, agensi agama, kaunselor, pekerja sosial, NGO dan rakan sebaya.	Menyediakan pendidikan, jaringan sokongan, bantuan profesional dan persekitaran sosial kondusif.
Kerajaan	Dasar, latihan pelaksana, modul, perkhidmatan, penyelidikan dan penilaian.	Menyelaras sumber, standard pelaksanaan, kerjasama antara agensi dan pemantauan program.

Sumber: Dibangunkan daripada analisis keperluan, sorotan literatur dan kesepakatan pakar kajian ini.

Jadual 1 menunjukkan ringkasan dapatan kajian berdasarkan aspek yang telah dianalisis. Empat domain tersebut dipandu oleh enam prinsip NURANI. *Nilai* meletakkan akidah, syariah dan akhlak sebagai asas pertimbangan; *Ummah* menekankan tanggungjawab kolektif dan rasa kebersamaan; *Responsif* menuntut tindakan awal yang peka terhadap keperluan remaja; *Amanah* menekankan tanggungjawab, kerahsiaan dan etika bantuan; *Norma* merujuk kepada pembentukan persekitaran sosial yang menyokong fitrah dan tingkah laku selaras syariah; manakala *Integriti* menuntut keselarasan antara nilai, keputusan dan tindakan. Keenam-enam prinsip ini berfungsi sebagai orientasi nilai, sementara empat domain menyediakan struktur pelaksanaan.

4.3 Kesepakatan Pakar dan Kebolehgunaan

Analisis Fuzzy Delphi menunjukkan bahawa elemen yang dikekalkan dalam model memenuhi nilai ambang *d* tidak melebihi 0.20 dan peratus kesepakatan sekurang-kurangnya 75%, di samping mencapai nilai penyahkaburan yang membolehkan elemen disusun mengikut keutamaan. Kesepakatan tersebut menunjukkan bahawa struktur individu, keluarga, komuniti dan kerajaan diterima oleh pakar pelbagai disiplin sebagai asas pencegahan yang relevan. Penilaian kebolehgunaan pula meletakkan model pada tahap penerimaan yang tinggi dari sudut kejelasan, kesesuaian struktur dan potensi aplikasi dalam program pendidikan, bimbingan agama, kaunseling dan pembangunan komuniti.

Walau bagaimanapun, kesepakatan pakar tidak boleh disamakan dengan bukti keberkesanan intervensi. Dapatan ini mengesahkan kesesuaian konsep dan kebolehgunaan awal, tetapi belum membuktikan bahawa model mampu mengubah hasil tingkah laku atau kesejahteraan remaja. Pemisahan antara kesahan kandungan, kebolehgunaan dan keberkesanan penting supaya tuntutan sumbangan model kekal sepadan dengan reka bentuk kajian.

4.4 Sumbangan Teoretikal dan Praktikal

Dari sudut teori, Model NURANI mempertemukan pendekatan ekologi sosial dengan kerangka pembinaan insan Islam. Empat domain model selari dengan prinsip Bronfenbrenner (1979) bahawa perkembangan remaja dipengaruhi oleh sistem yang saling berhubung, sementara enam prinsip NURANI memberikan orientasi normatif berasaskan nilai Islam. Penggabungan ini membolehkan pencegahan bergerak daripada pendekatan yang hanya menumpukan individu kepada pembangunan ekosistem yang menyokong pembentukan identiti, pengurusan emosi, hubungan keluarga dan tindakan institusi.

Dari sudut praktikal, model boleh digunakan sebagai matriks perancangan program. Institusi pendidikan boleh memberi tumpuan kepada literasi digital, kemahiran sosial dan akses kaunseling; keluarga boleh diperkasa melalui pendidikan keibubapaan dan komunikasi; komuniti boleh membina jaringan sokongan dan rujukan; manakala kerajaan boleh menyelaras dasar, latihan, modul dan penilaian. Kepentingan keluarga serta persekitaran sekolah dalam kesejahteraan remaja turut disokong oleh Weeks et al. (2025). Oleh itu, model mencadangkan tindakan yang bersifat mendidik, menyokong dan mencegah secara awal, bukan respons yang hanya reaktif atau menghukum.

Model ini juga memperjelas bahawa literasi digital perlu menjadi sebahagian daripada pencegahan. Dapatan Suto et al. (2025) menunjukkan bahawa media sosial menyediakan ruang penerokaan identiti dan hubungan yang disertai manfaat serta risiko. Justeru, strategi yang hanya menyekat penggunaan media sosial berkemungkinan tidak memadai. Remaja perlu dibimbing menilai sumber, memahami algoritma, mengenal pasti tekanan sosial, mengurus privasi dan mendapatkan bantuan apabila berhadapan kandungan atau interaksi yang mengganggu kesejahteraan.

4.5 Keterbatasan Kajian

Kajian ini mempunyai tiga keterbatasan utama. Pertama, pembangunan model banyak bergantung pada pandangan pakar dan belum melibatkan suara remaja sebagai kumpulan sasaran secara langsung. Kedua, konteks kajian tertumpu kepada Selangor, maka kesesuaian model bagi negeri atau komuniti lain memerlukan pengesahan lanjut. Ketiga, penilaian kebolehgunaan tidak menggantikan pengujian keberkesanan. Kajian lanjutan perlu melibatkan remaja, ibu bapa dan pelaksana program, menggunakan reka bentuk rintis atau kuasi eksperimen, serta menilai hasil seperti literasi digital, komunikasi keluarga, kesejahteraan emosi, kecenderungan mendapatkan bantuan dan kebolehlaksanaan antara agensi.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini membangunkan Model NURANI sebagai kerangka pencegahan holistik pengaruh LGBT dalam kalangan remaja Muslim di Selangor melalui pendekatan DDR dan Kaedah Fuzzy Delphi. Model mengintegrasikan empat domain—individu, keluarga, komuniti dan kerajaan—dengan enam prinsip Nilai, Ummah, Responsif, Amanah, Norma dan Integriti. Penambahbaikan utama yang ditawarkan ialah peralihan daripada pendekatan sektoral kepada ekosistem pencegahan yang menyepadukan pembinaan nilai Islam, literasi digital, sokongan psikososial, komunikasi keluarga dan penyelarasan institusi. Kesepakatan pakar serta penilaian kebolehgunaan memberikan asas awal kepada penerapan model, namun keberkesanannya masih perlu diuji melalui pelaksanaan lapangan. Dengan pengujian dan penyesuaian lanjut, Model NURANI berpotensi menjadi panduan kepada institusi pendidikan, agensi agama, organisasi komuniti dan pembuat dasar dalam membangunkan program yang lebih tersusun, beretika dan responsif terhadap realiti remaja.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai melalui Geran Penyelidikan Negeri Selangor, nombor geran SUK/GPNS/2023/PKS/10.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

Al-Quran.

Al-Qaradawi, Y. (1994). *The lawful and the prohibited in Islam*. Cairo: Al-Falah Foundation.

Avci, H., Baams, L., & Kretschmer, T. (2025). A systematic review of social media use and adolescent identity development. *Adolescent Research Review, 10*(2), 219–236. DOI: https://doi.org/10.1007/s40894-024-00251-1

Bono, S. A., Othman, A., Jamaludin, S. S. S., Lim, M. Y., & Mohamed Hussin, N. A. (2024). The impacts of social media on adolescent mental health: Malaysian adolescents' perspective. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences, 20*(Suppl. 3), 40–46. DOI: https://doi.org/10.47836/mjmhs.20.s3.6

Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. London: SAGE.

Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Cheng, C.-H., & Lin, Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research, 142*(1), 174–186. DOI: https://doi.org/10.1016/S0377-2217(01)00280-6

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches* (6th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE.

Ellis, T. J., & Levy, Y. (2010). A guide for novice researchers: Design and development research methods. *Proceedings of the Informing Science & Information Technology Education Conference*, 107–118. DOI: https://doi.org/10.28945/1237

Engel, G. L. (1977). The need for a new medical model: A challenge for biomedicine. *Science, 196*(4286), 129–136. DOI: https://doi.org/10.1126/science.847460

Hsu, C.-C., & Sandford, B. A. (2007). The Delphi technique: Making sense of consensus. *Practical Assessment, Research & Evaluation, 12*(10), 1–8. DOI: https://doi.org/10.7275/pdz9-th90

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2001). *Madarij al-salikin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Mud Shukri, M. I., & Baharom, A. (2023). Psychosocial determinants of adolescent romantic relationship in Malaysia: Social media use, pornography surfing, sexual and reproductive health knowledge, and depression. *PLOS ONE, 18*(12), e0295933. DOI: https://doi.org/10.1371/journal.pone.0295933

Murray, T. J., Pipino, L. L., & van Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of Delphi. *Human Systems Management, 5*(1), 76–80. DOI: https://doi.org/10.3233/HSM-1985-5111

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research & Evaluation Methods: Integrating Theory And Practice* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE.

Pérez-Torres, V. (2024). Social media: A digital social mirror for identity development during adolescence. *Current Psychology, 43*, 22170–22180. DOI: https://doi.org/10.1007/s12144-024-05980-z

Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design And Development Research: Methods, Strategies, And Issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Suto, D. J., Turban, J. L., & Belfort, E. L. (2025). Social media and development of sexual and gender identity in adolescents. *Pediatric Clinics of North America, 72*(2), 279–289. DOI: https://doi.org/10.1016/j.pcl.2024.08.004

Weeks, S. N., Renshaw, T. L., & Lefevor, G. T. (2025). The influence of school climate, family acceptance, and minority stress on sexual minority adolescents' subjective wellbeing. *Journal of Child and Family Studies, 34*, 573–586. DOI: https://doi.org/10.1007/s10826-025-03010-5

Al-Ghazali. (2013). Ihya' 'Ulum al-Din (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah). (Atau gunakan edisi Arab yang anda rujuk.)

Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. The International Institute of Islamic Thought.

Engel, G. L. (1977). The need for a new medical model: A challenge for biomedicine. *Science,* 196(4286), 129–136.

Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development*. Harvard University Press.

Ibn Khaldun. (2005). *The Muqaddimah: An Introduction to History (F. Rosenthal, Trans.)*. Princeton University Press.

Al-Shatibi, A. I. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Dar Ibn Affan.

Al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'ulum al-din* (Vols. 1–4). Cairo: Dar al-Hadith.